KBAT
KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI

LATIH TUBI 30 TOPIK BAHASA MELAYU

600 SOALAN TATABAHASA

BONUS
- ☑ TIP BIJAK BAHASA
- ☑ PETA MINDA
- ☑ KOSA KATA

TAHUN 4 • 5 • 6

SULAIMAN MOIDEN
ABDUL HAMID MOIDEN

LIVEWORKSHEETS

600 SOALAN TATABAHASA

KATA PEMERI

Pilih kata pemeri yang sesuai bagi mengisi tempat kosong.

1. Amalan bergotong-royong _____ amalan yang wajar dipraktikkan dalam kalangan masyarakat kerana dapat memudahkan pekerjaan yang sukar.
   A. ialah B. adalah

2. Azmira _____ pemenang pertandingan melukis poster yang diadakan sempena sambutan Hari Kemerdekaan baru-baru ini.
   A. ialah B. adalah

3. Kereta Honda Jazz berwarna merah yang baru dibeli oleh Bala _____ untuk dihadiahkan kepada tunangnya.
   A. ialah B. adalah

4. Peruntukan sebanyak RM 5000 yang diberikan untuk sekolah-sekolah _____ bagi melaksanakan aktiviti Bulan Bahasa.
   A. ialah B. adalah

5. Makanan yang disediakan oleh murid-murid sekolah rendah itu _____ untuk diagihkan kepada golongan gelandangan.
   A. ialah B. adalah

6. Bilangan jalur merah dan putih yang terdapat dapat Jalur Gemilang _____ sebanyak 14 jalur.
   A. ialah B. adalah

7. Burung yang dijumpai oleh Ah Seng di hutan itu _____ daripada spesis yang sama dengan burung peliharaannya.
   A. ialah B. adalah

8. Nazri _____ pemain bola sepak yang menjadi ayam tambatan pasukan sekolahnya.
   A. ialah. adalah

9. Anak saudara Puan Salmah _____ cantik-cantik belaka.
   A. ialah B. adalah

10. Baju cheongsam berwarna kuning yang dibeli oleh Catherine itu _____ untuk dipakai pada Tahun Baru Cina yang akan datang.
    A. ialah B. adalah

11. Nasi goreng kampung _____ makanan kegemaran adik Sofea.
    A. ialah B. adalah

LIVEWORKSHEETS

12. Kepakaran ibu saya _____ menjahit baju kurung dan baju kebaya.
A. ialah B. adalah

13. Tujuan kakak berpindah ke Terengganu _____ kerana suaminya dipindahkan ke sebuah sekolah di negeri tersebut.
A. ialah B. adalah

14. Guru Penolong Kanan sekolah saya mengumumkan bahawa esok _____ (cuti umum) sempena Hari Pekerja.
A. ialah B. adalah

15. Kasut yang dipakai oleh Puan Bahayah ketika menghadiri mesyuarat itu _____ daripada kulit buaya.
A. ialah B. adalah

16. Perdana Menteri Malaysia yang digelar Bapa Pemodenan _____ Tun Dr. Mahathir.
A. ialah B. adalah

17. Hobi Azman pada waktu lapang _____ membantu ayahnya bercucuk tanam di kebun serta mengikut rakan-rakannya memancing ikan di tasik.
A. ialah B. adalah



18. Kebanyakan hasil kraf tangan yang dijual di Sarawak _____ (hasil tangan) penduduk tempatan.
A. ialah B. adalah

19. Tujuan pemeriksaan kesihatan tersebut diberikan secara percuma _____ untuk (meningkatkan kesedaran) orang awam.
A. ialah
B. adalah

20. Amri _____ pembawa bendera Rumah Kuning ketika acara perbarisan lintas hormat pada Hari Sukan tahun lalu.
A. ialah B. adalah

LIVEWORKSHEETS